



# KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	19/11/2023
<i>METRO AHAD</i>		CATATAN

## Segerakan jawatankuasa kaji kompetensi Dun gubal undang-undang Islam

**Shah Alam:** Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menggesa Kerajaan Persekutuan menyegerakan penubuhan jawatankuasa khas bagi membuat kajian mengenai kompetensi Dewan Undangan Negeri (Dun) untuk menggubal undang-undang Islam dalam kerangka yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Pengerusi Mais Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof turut mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan melakukan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Akta 355 berkaitan dengan bidang kuasa jenayah syariah negeri.

Katanya, Mais turut bimbang berhubung gerakan pihak tertentu yang secara halus cuba menjelaskan kedudukan agama Islam sebagai agama negeri dan agama persekutuan melalui proses litigasi mahkamah.

"Ini termasuk mempertikai bidang kuasa negeri dalam menggubal perun-

tukan undang-undang Islam yang kebanyakannya adalah kelestarian daripada undang-undang yang diamal dan dikuatkuasakan di negeri-negeri di Malaysia sebelum pembentukan Perlembagaan Persekutuan.

"Merujuk kepada kes Nik Elin yang memohon Mahkamah Persekutuan membatalkan 20 peruntukan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 2019, Mais menghormati prosiding mahkamah yang sedang berjalan dan kuasa Mahkamah Persekutuan dalam memutuskan perkara berkaitan pentadbiran keadilan.

"Namun, Mais berpendirian bahawa tindakan segera perlu diambil untuk mengelak pertikaian seperti kes Iki Putra dan kes Nik Elin ini berlaku lagi pada masa akan datang kerana pertikaian seperti ini hanya akan menjelaskan kuasa negeri berhubung dengan agama Islam," kata dia dalam satu kenyataan.